

Tarikh: 20hb April 2012

Ahli Umno yang prihatin

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak

Blok Utama, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

Yang Amat Berhormat,

PER: GANGSTERISM MELIBATKAN MALAYSIAN INDIAN CONGRESS (MIC) MENCEMARKAN NAMA BUKAN SAHAJA PARTI MIC TETAPI BARISAN NASIONAL KESELURUHANNYA SERTA SEKALIGUS MENIDAKKAN UNDI KAUM INDIA KEPADA BARISAN NASIONAL PADA PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Saya adalah seorang ahli politik Umno. Sebelum ini saya pernah menulis surat kepada Y.B Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein di Kementerian Dalam Negeri berkaitan gangsterism dikalangan kaum India yang secara tidak langsung akan memberi impak negatif kepada Parti Barisan Nasional di pilihanraya akan datang. Saya kepilkan bersama surat tersebut untuk rujukan Y.A.B.

Pada 3hb Disember 2011 MIC telah mengadakan satu majlis Deepavali di "The Mines" Sri Kembangan yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia Y.B.Dato Subramaniam. Majlis tersebut turut dihadiri Timbalan Ketua Pemuda Umno Y.B. Khairy Jamaluddin dan Ketua Pemuda MIC Yang Berbahagia T.Mohan.

Seramai enam(6) hingga tujuh (7) ribu pemuda-pemuda India menghadiri majlis tersebut. Hampir 99% pemuda-pemuda India yang hadir ialah ahli geng kongsi gelap 36. Kelakuan, perwatakan dan pakaian pemuda-pemuda yang menghadiri majlis tersebut sungguh memalukan. Gelagat mereka bukan sahaja mencemarkan imej MIC tetapi imej Barisan Nasional secara keseluruhan. Beberapa pemuda datang ke majlis tersebut dengan menyarung T-Shirt geng 36 serta mengibarkan bendera geng 36.

Dalam majlis itu juga cenderahati dengan logo agama hindu geng 36 disampaikan kepada Y.B. Dato Subramaniam, Timbalan Ketua Pemuda Khairy Jamaluddin dan lain-lain VIP. Mereka telah menjadikan logo agama hindu dalam bahasa "sanskrit" yang menyerupai angka "36" sebagai logo geng mereka seperti di bawah. YAB boleh mendapatkan gambaran jelas daripada pihak media yang mengambil liputan video pada hari itu. YAB sendiri tengok gelagat para pemuda-pemuda yang menghadiri majlis tersebut.



Majlis tersebut memberi tanggapan buruk rakyat khususnya masyarakat India ke atas Parti Barisan Nasional. Penganjuran majlis tersebut jelas menunjukkan percubaan kongsi gelap geng 36 memperkukuhkan kedudukan mereka melalui politik.

Majlis tersebut menjadi satu **isu hangat** dikalangan kaum India. **MIC** yang sedang cuba menonjolkan imej baru mereka setelah tercalar pada pilihanraya lalu di bawah **Dato Seri S.Samy Velu** gagal dalam misi mereka kerana majlis tersebut telah membuktikan yang **MIC** masih lagi di takuk lama seperti zaman **Dato Seri S. Samy Velu** dulu.

Ketua geng 36 ini bernama **Devan**. **Devan** boleh dikatakan **Raja Dadah Malaysia**. **Devan** adalah seorang pengedar dadah jenis “ketamine” dan “heroin” **nombor satu di Malaysia**. Pada pendapat saya **Devan** dan **geng 36** ini cuba menggunakan bidang politik untuk membersihkan **rekod-rekod jenayah** lampau mereka dan terus bermaharajalela. Bagi keterangan lanjut *silalah baca surat saya* yang pertama kepada **Yang Berhormat Dato’ Seri Hishammudin Tun Hussein**.

Percubaan **geng kongsi gelap 36** untuk menceburi bidang politik bagi memperkukuhkan kedudukan mereka harus **dibendung** supaya **pihak pembangkang** tidak menggunakan isu ini untuk menidakkan **undi kaum India**. **Y.A.B** jangan anggap ini isu **kaum India**. **Hindraf** yang dianggap remeh pada tahun **2008** telah mewujudkan satu impak yang begitu kuat sehingga **4 negeri** jatuh ke tangan pembangkang.

Tindakan yang serius harus diambil supaya parti **Barisan Nasional** tidak dilabel sebagai satu parti yang sanggup membuat apa sahaja asalkan mendapat undi. Satu *konspirasi* sedang berlaku untuk menuduh Kerajaan khususnya **UMNO** melakukan “*ethnic cleansing*” terhadap kaum India dengan mengambil sikap sambil lewa berkaitan isu gangsterism di kalangan kaum India. **Polis Di Raja Malaysia (PDRM)** di seluruh negara disuap dengan rasuah yang mencecah jutaan ringgit oleh **Geng kongsi gelap 36**.

Menjelang pilihanraya yang ke **13** ini **Barisan Nasional** harus mengambil setiap langkah dengan lebih berhati-hati. Kegiatan **geng 36** ini bukan sahaja merosakkan pemuda – pemuda India, malah pemuda – pemuda Melayu kita juga ramai yang menjadi mangsa dengan mengambil pelbagai **jenis dadah** yang diedarkan **geng 36**.

PDRM(Bukit Aman hingga ke Pondok-pondok polis seluruh negara) memberi mereka lampu hijau untuk menjalankan kegiatan gangsterism dan pengedaran dadah dengan mengambil rasuah. Ibu Pejabat Polis Daerah yang paling banyak mengambil rasuah ialah **IPD Gombak** dan **IPK Shah Alam**. Banyak bukti-bukti boleh diperolehi jika **ketua IPD Gombak** disiasat. Bagi mendapat satu gambaran yang jelas silalah baca surat yang saya hantar kepada **Y.B Dato. Seri Hishammudin Tun Hussein** yang saya sertakan bersama.

Mungkin **YAB** merasa bosan membaca surat saya ini tetapi saya memberi amaran bahawa kegiatan **Geng kongsi Gelap 36** ini telah memburukkan nama **PDRM** dan kerajaan di mata **kaum India**. **YAB** harus melakukan sesuatu membendung kegiatan gangsterism di kalangan kaum India untuk menunjukkan kepada kaum India yang **UMNO** tidak *memencilkan kaum India dan serius dalam isu bukan Melayu* serta sekaligus membuktikan tuduhan pihak *pembangkang tidak berasas*.

Saya berharap agar **YAB** memandang serius masalah ini dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak berulang **tsunami politik** seperti perhimpunan “**Hindraf**”. Sekian terima kasih.

“**HIDUP UMNO, HIDUP MELAYU, HIDUP MASYARAKAT MALAYSIA**”

Yang benar,

.....
(Ahli Umno Selayang Baru)